

Headline	Usaha berterusan pelihara Lembah Lenggong warisan khazanah negara		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	02 Nov 2023	Color	Full Color
Section	News	Circulation	31,034
Page No	9	Readership	93,102
Language	Malay	ArticleSize	994 cm²
Journalist	Mohd Harith Mohd Nizar	AdValue	RM 7,410
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 22,230



Usaha berterusan pelihara Lembah Lenggong warisan khazanah negara

Oleh Mohd Harith Mohd Nizar

DIKTIRAF sebagai Tapak Warisan Dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), semestinya Lembah Lenggong di Perak terus dipelihara sebagai warisan arkeologi negara yang tiada tolok banding nilainya.

Pelbagai artifak sejarah ditemui di tapak yang kini diketahui kawasan tempat tinggal manusia paling awal di Semenanjung Malaysia, termasuk paling signifikan, rangka manusia dari zaman batu era paleolitik, Perak Man.

Menurut Pengarah Bahagian Warisan Dunia, Jabatan Warisan Negara (JWN) Mohd Syahrin Abdullah, penjagaan dan perlindungan Lembah Lenggong untuk generasi akan datang penting sebagai bahan rujukan untuk mengetahui asal usul kerana ia berkaitan bukti kewujudan manusia terawal di negara ini dan antara yang tertua di dunia.

Beliau merujuk kepada rangka yang ditemui di Gua Gunung Runtu, Bukit Kepala Gajah, Lembah Lenggong (Hulu Perak) yang berada dalam keadaan hampir sempurna dan tertua pernah ditemui di Malaysia malah di Asia Tenggara, dianggarkan pernah hidup kira-kira 10,000 hingga 11,000 tahun lepas.

Mohd Syahrin yang menyandang jawatan itu sejak tahun 2015 berkata, pelbagai usaha dilakukan bagi meyakinkan pihak UNESCO dalam aspek penjagaan dan melindungi Lembah Lenggong bermula dengan pengiktirafan bersama mekanisme dan pelan pengurusan.

Untuk rekod, Lembah Lenggong diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia semasa mesyuarat World Heritage Committee sesi ke-36 yang berlangsung di St Petersburg, Rusia pada 30 Jun 2012.

“Kita ada pelan pengurusan dan alhamdulillah ia dapat meyakinkan mereka (UNESCO) untuk kita mendapat pengiktirafan ini,” katanya kepada Bernama sambil menyifatkan pengiktirafan itu sebagai langkah pemeliharaan awal kawasan tersebut.

USAHA KEKAL STATUS

Selain perlu memastikan status itu kekal berdasarkan dokumen rancangan pengurusan pemuliharaan (CMP) yang disediakan dan diwartakan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, terdapat beberapa perkara tertakluk di bawah akta kendalian JWN.

“Kita wujudkan satu dokumen yang menjadipunca kuasa untuk menyediakan tapak. Daripada dokumen itulah kita laksanakan aspek pemantauan, kebenaran merancang dan lain-lain.

“Seterusnya, bagi tujuan pengekalan status, kita perlu mengambil langkah yang berkaitan perlindungan dan pemantauan tapak termasuk memastikan kesesuaian tapak untuk kunjungan pelawat.

“JWN memasang pagar di semua gua di kawasan Lembah Lenggong dan menyediakan pelantar kayu bagi tujuan mengelakkan berlaku kerosakan terhadap kawasan sekitar selain memberi kemudahan kepada pelancong,” katanya menambah, sebanyak RM25 juta dibelanjakan untuk tujuan pemeliharaan dan perlindungan Lembah Lenggong sejak mendapat pengiktirafan UNESCO.

Menurut Mohd Syahrin, kebanyakkan kerja dilakukan di belakang tabir seperti mengukur tapak bagi menentukan sempadan kawasan, penyediaan dokumen CMP yang mengandungi pelan utama berkaitan pembangunan

nan tapak dan produk pelancongan di sekitar kawasan itu

untuk dijadikan nilai tambah serta pembangunan tanah mengikut fasa.

“Kesemua itu kerja di belakang tabir, orang tak nampak tetapi kita perlu perlu bergerak lebih ke hadapan. Kita usaha sehabis baik untuk jadikan Lembah Lenggong ini bersedia untuk menerima lebih ramai pelancong pada masa akan datang,” katanya.

Statistik kedatangan pelawat ke galeri sementara, Galeri Arkeologi Lembah Lenggong bagi tahun 2023 sehingga September lepas adalah seramai 20,840 orang.

ISTIMEWA LEMBAH LENGGONG

Menyifatkan Lembah Lenggong mempunyai keistimewaan tersendiri, Mohd Syahrin berkata, tempoh mendapatkan pengiktirafan bagi kawasan itu lebih singkat berbanding untuk Tapak Warisan Dunia UNESCO lain di negara ini sebagai contoh Bandaraya Melaka dan Georgetown, Pulau Pinang yang mengambil masa hampir 10 tahun.

“Usaha di Lembah Lenggong ini dimulakan pada tahun 2009 dan dalam tempoh tiga tahun, banyak perkara telah dilakukan termasuk menghantar dokumen dan sekurang-kurangnya setahun sebelum mendapat pengiktirafan perlu dihantar dosir atau dokumen pencalonan lengkap.

“Maklumat yang kita sediakan kita susun secara bersesuaian untuk digunakan bagi mendapat pengiktirafan UNESCO. Kriteria UNESCO ketat, ada 10 kriteria.

“Antaranya nilai keunggulan sejagat, jadi itu yang kita kena tengok kesesuaian dan buat dokumen bagi menyesuaikan keperluan dan kehendak UNESCO,” katanya.

Mengulas lanjut Mohd Syahrin berkata, Lembah Lenggong terbahagi kepada

dua iaitu tapak terbuka dan tapak gua yang perlu dipelihara, manakala kawasannya pula di bawah kategori kebudayaan yang bukan sekadar melibatkan nyanyian, tarian serta persembahan tetapi atas faktor terdapat campur tangan manusia.

Mengambil contoh ladang Teh Boh di Cameron Highlands, Pahang dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), beliau berkata, ia sebenarnya bukan tapak semula jadi tetapi tapak kebudayaan akibat daripada aktiviti manusia.

“Untuk tapak gua atau tapak arkeologi di Lembah Lenggong, manusia menjadikan gua di sana sebagai tempat tinggal, berlindung dan tempat pengebumian.

“Bagi tapak terbuka pula, ia sebenarnya tapak arkeologi di luar gua setelah penyelidik

mengesan terdapat banyak alatan batu di Lembah Lenggong.

“Berdasarkan itu, kita dapat tahu bahawa populasi

Lenggong ini besar. Tapak terbuka antaranya dibuktikan di Kota Tampan ini 75,000 tahun dahulu dan di Bukit Bunuh 1.83 juta tahun, ia bertua tertua di Malaysia dan antara tertua di dunia,” katanya menambah, tapak terbukadil Lembah Lenggong unik kerana kebanyakannya tidak terjejas dek bencana seperti tanah runtuh atau banjir.

Beliau pada masa sama berkata, Lembah Lenggong mempunyai antara urutan budaya terpanjang dalam satu kawasan dengan mempunyai tiga zaman iaitu paleolitik, neolitik dan zaman logam.

“Pentingnya itu untuk Malaysia dan peringkat dunia kerana apabila orang menghargai sesebuah kawasan maka banyak pelancong yang akan datang untuk melawat,” katanya menambah, pada 30 Julai lepas (2023). Kementerian

Headline	Usaha berterusan pelihara Lembah Lenggong warisan khazanah negara		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	02 Nov 2023	Color	Full Color
Section	News	Circulation	31,034
Page No	9	Readership	93,102
Language	Malay	ArticleSize	994 cm²
Journalist	Mohd Harith Mohd Nizar	AdValue	RM 7,410
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 22,230

Pelancongan, Senidaan Budaya (MOTAC) melalui JWN menyerahkan pengurusan Lembah Lenggong kepada kerajaan Perak dengan JWN masih sedia membantu dan memantau keadaan di kawasan itu.

DI BAWAH MAJLIS DAERAH LENGGONG

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Daerah

L e n g g o n g
(MDL) Mohd Amzari Mohd Arzaam i b e r k a t a ,

pihaknya menguruskan Lembah Lenggong selepas mendapat amanah dan dana daripada kerajaan negeri, di samping kerjasama komuniti setempat turut membantu.

Lembah Lenggong yang juga diiktiraf sebagai kawasan Geopark iaitu Lenggong Geopark pada tahun 2021, adalah Geopark keduadi Perak selepas Kinta Geopark.

“MDL menerima amanat daripada kerajaan negeri untuk mengurus selia bermula tahun ini (2023) di beberapa kawasan tapak UNESCO.

“Terdapat lapan kawasan utama Tapak Warisan Dunia di Lenggong dengan empat diuruskan pihak JWN iaitu Bukit Bunuh, Kota Tampan, Bukit Jawa dan Galeri

Arkeologi, manakala MDL menjaga kawasan Kompleks Gua Kajang, Gua Teluk Kelawar, Gua Harimau dan Gua Gunung Runtuhan.

Menyentuh aspek promosi, beliau berkata, MDL menerima peruntukan daripada Kerajaan Negeri

Perak, Kerajaan Persekutuan, peruntukan Ahli Parlimen Lenggong serta ADUN Kota Tampan.

Tidak terhad kepada tapak warisan dunia dan Geopark, MDL dan beberapa jabatan serta agensi lain turut menjaga dan menaik taraf kawasan pelancongan warisan lain di Lenggong seperti tapak pekan lama, kawasan budaya di Kampung Chepor, Kampung Luat dan lain-lain melalui peruntukan yang diterima.

Menurut Mohd Amzari, sejak MDL diberi tanggungjawab menaiga

kawasan berkewaan yang berstatus Tapak Warisan Dunia UNESCO, pihaknya dan JWN bersetuju untuk menyelaraskan permohonan peruntukan untuk kawasan terbabit.

“Pertamaialah sekali sahaja, kedua adalah permohonan berterusan setiap tahun dan kita sedang usahakan bersama JWN untuk memohon terus kepada Kerajaan Persekutuan

untuk diberi peruntukan sama seperti yang diberikan kepada Tapak Warisan Dunia UNESCO di Melaka dan Pulau Pinang pada Bajet 2023 tahun lepas.

“Kita dalam proses permohonan untuk perkara yang sama melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri dan kerajaan negeri kepada pihak Kerajaan Persekutuan kalau boleh dapat RM20 juta ke RM30 juta untuk pembangunan infrastruktur asas di kawasan ini pada masa hadapan,” katanya.

KERJASAMA KOMUNITI

Meskipun usaha pemeliharaan dan pembangunan Lenggong boleh dilakukan dengan memohon peruntukan pihak berkaitan namun yang paling utama ialah mendidik komuniti setempat untuk sama-sama menjaga aset

yang ada.

Mohd Amzari berkata, pihaknya banyak menekankan pendidikan serta melatih komuniti melalui program, kursus dan latihan tanpa memerlukan modal besar sebaliknya memanfaatkan peruntukan yang diterima daripada jabatan dan agensi terlibat.

Menurut beliau,fokus MDL kini ialah melatih jurupandu untuk membawa pelancong yang datang melalui kawasan sekitar agar mereka boleh menjana pendapatan dari Tapak Warisan Dunia UNESCO dan Geopark serta pada masa sama membantu MDL menguruskan kawasan berkewaan.

Komuniti setempat, kata beliau boleh menjadi ‘mata’ dan ‘telinga’ pihak majlis jika ada berlaku kerosakan harta benda.

“Contohnya di Kompleks Gua Kajang, komuniti mendaki Lenggong yang

juga sekarang ini bekerjasama dengan kami, dari segi memberi input apa yang perlu ditambah baik.

“Isu sampah, kebersihan dan keselamatan antara yang dibangkitkan dan kita MDL akan sediakan keperluan yang bersesuaian,” katanya.

PELBAGAI TARIKAN PELANCONGAN

Lembah Lenggong terbahagi kepada tiga tarikan iaitu Tapak Warisan Dunia UNESCO Lembah Lenggong, tapak-tapak di bawah Lenggong Geopark dan makanan serta budaya masyarakat di Lenggong.

Mohd Amzari menjelaskan, apabila Galeri Arkeologi dan Galeri Geopark dibuka, pelancong boleh melawat ke lokasi berkewaan terlebih dahulu bagi mendapatkan gambaran lebih jelas mengenai kawasan menarik di Lenggong.

Galeri Geopark akan dibuka penghujung tahun ini sebelum Tahun Melawat Perak 2024. Kita akan usahakan semua maklumat dalam fun map, terjemahan dalam bentuk board dan letak di hujung galeri supaya pengunjung boleh tengok dan rujuk,” katanya.

Antara kawasan lain yang disifatkan sebagai lokasi ‘wajib pergi’ ialah Boat Trip Tasik Raban dan River Cruise di Sungai Perak.

“Pengunjung berpeluang menikmati pemandangan Tasik Raban dan Sungai Perak, kampung tradisional, singgah sangkar ikan dan kemudian singgah di kampong untuk minum petang, melihat budaya dan aktiviti orang kampung sekali gus membantu ekonomi penduduk setempat,” katanya.

Selain itu, Kompleks Bukit Kepala Gajah yang meliputi Gua Kelawar, Gua Harimau dan Gua Gunung Runtuhan kawasan rangka Perak Man ditemui juga adalah antara lokasi tarikan pengunjung.

“Kawasan ini diduduki oleh orang zaman dulu. Ia bukan sahaja tapak warisan tetapi juga menjadi tarikan kepada mereka yang berminat untuk meneroka keindahan alam semula jadi, formasi batuan, flora dan fauna yang ada di kawasan Kompleks Bukit Kepala Gajah,” katanya menambah, pengunjung yang ingin masuk ke gua memerlukan kebenaran dan

permit khas daripada MDL melalui jurupandu yang kini seramai 30 orang daripada komuniti tempatan.

Beliau pada masa sama menambah, MDL bekerjasama dengan semua penyedia penginapan bagi mengumpul data jumlah pengunjung pada tahun ini untuk membuat jangkaan bagi tahun seterusnya sekali gus membantu tujuan permohonan peruntukan.

MDL juga menyediakan portal virtual tour menerusi laman www.actsgugi.com/lenggong-tourism supaya pengunjung dapat memilih lokasi pelancongan yang mereka minati serta semua tempat penginapan yang ada antaranya disediakan Aguilar Resort, Kuak Hill Resort dan Sumpitan Glamping.

— Bernama

Headline	Usaha berterusan pelihara Lembah Lenggong warisan khazanah negara		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	02 Nov 2023	Color	Full Color
Section	News	Circulation	31,034
Page No	9	Readership	93,102
Language	Malay	ArticleSize	994 cm²
Journalist	Mohd Harith Mohd Nizar	AdValue	RM 7,410
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 22,230



TINGGALAN SEJARAH: Masjid Raja adalah sebuah bangunan bersejarah yang dibina pada 1541, masih tersgam kukuh dan kini telah menjadi bangunan warisan tarikan pelancong yang terletak di Kampung Chepor, Lenggong. Masjid yang dasarnya dibina di atas endapan debu vulkonik toba yang sifatnya seperti konkrit berasal daripada letusan Toba di Sumatera yang berusia sekitar 75,000 tahun dahulu merupakan antara destinasi menarik untuk dilawati. —Gambar Bernama



BANTU: Kakitangan Majlis Daerah Lenggong bersedia membantu pelancong yang ingin melawat lokasi tempat-tempat prasejarah yang menarik dengan adanya Galeri Geopark Lembah Lenggong di Lenggong. Pelancong digalakkan ke Galeri Geopark terlebih dahulu bagi mendapatkan gambaran lebih jelas mengenai kawasan yang menarik dan semua maklumat dalam fun map dan diterjemahkan dalam bentuk board dan galeri ini akan dibuka kepada orang ramai pada penghujung tahun ini sebelum Tahun Melawat Perak 2024. —Gambar Bernama

Headline	Usaha berterusan pelihara Lembah Lenggong warisan khazanah negara		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	02 Nov 2023	Color	Full Color
Section	News	Circulation	31,034
Page No	9	Readership	93,102
Language	Malay	ArticleSize	994 cm²
Journalist	Mohd Harith Mohd Nizar	AdValue	RM 7,410
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 22,230




MOHD SYAHRIN



Headline	Usaha berterusan pelihara Lembah Lenggong warisan khazanah negara		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	02 Nov 2023	Color	Full Color
Section	News	Circulation	31,034
Page No	9	Readership	93,102
Language	Malay	ArticleSize	994 cm²
Journalist	Mohd Harith Mohd Nizar	AdValue	RM 7,410
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 22,230



TARIKAN PELANCONG: Pasangan pelancong melihat peralatan zaman batu, tembikar dan logam yang ditemui sekitar Lembah Lenggong yang membuktikan kewujudan manusia terawal tersimpan di Galeri Arkeologi Lembah Lenggong. — Gambar Bernama



SEJARAH: Gambar peralatan batu, tembikar dan logam serta senjata yang ditemui sekitar Lembah Lenggong membuktikan kewujudan manusia terawal yang tersimpan di Galeri Arkeologi Lembah Lenggong. — Gambar Bernama